

02 AUG 2002

Pusat-Keganasan (Fokus Berita)

KEWUJUDAN PUSAT SERANTAU TANGANI KEGANASAN PERLU DIPERHALUSI

Oleh: Mohd Haikal Isa

KUALA LUMPUR, 2 Ogos (Bernama) -- Cadangan Amerika Syarikat memilih Malaysia untuk menubuhkan pusat serantau menentang keganasan perlu diteliti bagi memastikan negara tidak diheret kuasa besar itu ke dalam agenda tersembunyinya dalam peperangan membasmi keganasan antarabangsa.

Ketua Jabatan Pengajian Antarabangsa dan Strategik Universiti Malaya Prof Datuk Mohamad Abu Bakar berkata pusat seumpama itu, jika ia akhirnya diwujudkan, perlu terhad sebagai platform bagi berbincang dan bertukar-tukar maklumat tentang keganasan.

"Kebimbangan kita adalah pusat (anti-keganasan) serantau ini hanya akan menumpukan usahanya kepada pergerakan Islam yang radikal dan yang mudah ditafsirkan sebagai `terrorism'.

"Ia amat membimbangkan kerana dari perlakuan dan perkembangan terakhir amat jelas menunjukkan kepada kita tentang kecenderungan untuk mengaitkan keganasan antarabangsa dengan pergerakan Islam yang radikal," katanya kepada Bernama dalam temuramah eksklusif di sini hari ini.

Selasa lepas, Setiausaha Negara Amerika Syarikat Colin Powell yang dalam rangka lawatan diplomatik ke rantau ini pada pertemuannya dengan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar mencadangkan agar kedua-dua negara menubuhkan pusat serantau bagi usaha membanteras keganasan.

Syed Hamid berkata pusat serantau yang dicadangkan itu akan berpusat di Kuala Lumpur serta dikendalikan oleh para pegawai Malaysia dan Amerika Syarikat.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika diminta media mengulas mengenai cadangan itu berkata Malaysia perlu meneliti cadangan berkenaan.

Prof Mohamad berkata Malaysia perlu memastikan pusat serantau itu kelak tidak menjadi medan bagi Washington untuk memperjuangkan dasar yang akan menjejaskan Malaysia dan rantau Asean keseluruhannya.

Pusat serantau anti-keganasan yang berpusat Kuala Lumpur itu juga kata beliau, harus melibatkan kesemua 10 negara Asean agar Malaysia tidak ditonjolkan oleh rakan-rakannya di rantau ini sebagai "boneka Amerika Syarikat".

"Malaysia perlu berjaga-jaga agar tidak dilihat pada mata negara-negara serantau sebagai sebuah pangkalan Amerika Syarikat, sekiranya kita bertindak di dalam perspektif sebagai boneka kuasa besar itu.

"Imej itu (boneka Amerika Syarikat) telah pun diberikan kepada Singapura dan Filipina. Apakah kita perlu meraih imej yang serupa?" soal Prof Mohamad.

Kewujudan pusat serantau menurut beliau, juga boleh memberikan implikasi buruk dari segi imej Malaysia pada pandangan negara Islam yang diketahui tidak menerima dengan baik peperangan menentang keganasan yang diketuai Amerika Syarikat.

Peperangan Amerika Syarikat terhadap keganasan antarabangsa selepas peristiwa 11 Sept 2001 kerap kali digambarkan oleh masyarakat Islam di seluruh dunia sebagai satu bentuk peperangan menentang umat Islam.

Negara Islam, kata Prof Mohamad, mungkin akan melihat penubuhan pusat serantau itu sebagai satu daripada usaha pentadbiran Presiden George W. Bush untuk membanteras kebangkitan Islam di rantau Asia Tenggara.

Jika pusat serantau yang digembar-gemburkan itu menjadi kenyataan dengan Kuala Lumpur menjadi tuan rumahnya, negara, kata beliau, perlu berusaha menerangkannya pada negara-negara Islam agar ia tidak

disalahertikan.

"Jikalau tidak, mereka (negara Islam) akan beranggapan bahawa pusat seumpama itu adalah untuk memantau dan menangani kebangkitan Islam," katanya sambil turut mempersoalkan mengapa Powell memilih Malaysia dan bukan sekutu rapat Amerika Syarikat di Asean iaitu Filipina dan Singapura.

Pemilihan Malaysia, menurut Prof Mohamad, kemungkinan disebabkan kejayaannya membanteras ancaman pengganas atau juga menandakan kebimbangan Washington terhadap kewujudan mereka yang disyaki pengganas di negara ini.

"Mungkin mereka (Amerika Syarikat) masih mencurigai Malaysia sebagai sebuah sarang atau laluan para pengganas antarabangsa," katanya.

Awal tahun ini, beberapa media utama Amerika Syarikat mendakwa Malaysia sebagai pusat merancang peristiwa 11 Sept yang mengorbankan lebih 3,000 rakyatnya, disebabkan beberapa perancang utama kejadian itu telah bertemu di Kuala Lumpur.

Penganalisis hubungan antarabangsa Jatswan Singh pula percaya pusat serantau yang dicadangkan itu tidak akan hanya tertumpu kepada usaha pembasmian keganasan tetapi juga meliputi jenayah melepasi sempadan.

Katanya jenayah seperti penyeludupan senjata, pengedaran dadah dan penyeludupan manusia termasuk di dalam rangkaian lebih luas yang turut diceburi oleh kumpulan pengganas antarabangsa.

Kumpulan pengganas antarabangsa itu, kata Jatswan, menggunakan aktiviti jenayah sebagai satu cara untuk mengumpul sumber kewangan bagi membiayai aktiviti kumpulan mereka.

"Ianya semua berkait-rapat. Jadi untuk membasmi keganasan, mereka perlu memutuskan pelbagai rangkaian jenayah yang lain," katanya dan menegaskan kejayaan menangkap seorang dua pengganas juga tidak bermakna operasi kumpulan itu lumpuh secara keseluruhannya.

-- BERNAMA

MHI ZS RON